

Jangan terlalu berharap kepada kerajaan: Daim

IRAN membayangkan kemungkinan menerima kepakaran teknikal Malaysia dalam industri minyak sawit untuk mengendalikan import bahan berkenaan, kata Menteri Kewangan, Datuk Paduka Daim Zainuddin.

Beliau menegaskan pakar tempatan di bidang berkenaan perlu merebut peluang ini bukan saja demi manfaat mereka sendiri, tetapi juga bagi membantu negara menggalakkan eksport minyak sawit ke negara itu.

Semalam, menteri itu berkata Iran dijangka membeli sehingga 700,000 tan metrik minyak sawit dari Malaysia berikutan langkahnya memansuhkan larangan import minyak sawit. Iran sebelum ini hanya menggunakan minyak kacang soya.

Bercakap kepada pemberita di majlis menyambut ulang tahun ke-10 Revolusi Iran di Kuala Lumpur semalam, Datuk Paduka Daim menyeru pelabur tempatan menyertai pasaran eksport di Iran tanpa terlalu mengharapkan bantuan kerajaan.

Beliau berkata pengusaha negara ini juga boleh mengimport bahan mentah dari Iran dan memprosesnya untuk dieksport ke negara lain.

"Pengusaha dan pelabur tempatan perlu

mengikis sikap terlalu bergantung kepada kerajaan kerana mereka perlu gigih berusaha memajukan perniagaan masing-masing, khususnya dalam menghadapi persaingan hebat di peringkat antarabangsa," katanya.

Datuk Paduka Daim berkata program pembangunan 10 tahun Iran yang memabitkan perbelanjaan AS\$200,000 juta menyediakan banyak peluang untuk direbut oleh pengusaha tempatan.

Umpamanya, kontraktor pembinaan tempatan boleh mengadakan usahasama dengan rakan mereka di Iran untuk merebut peluang berikutan rancangan pembangunan negara itu selepas tamatnya Perang Teluk.

"Malaysia kini mengalami lebih tenaga usahawan di sektor pembinaan. Ramai kontraktor tersadal kerana ketiadaan pasaran di negara ini, jadi mereka patut merebut peluang ini," katanya.

Datuk Paduka Daim juga mempelawa usahawan Iran supaya menyertai pameran perdagangan di negara ini untuk memperkenalkan barangan mereka, di samping mencari rakan dalam usahasama perdagangan antara kedua-dua negara.